



**ISNIN, 10 JANUARI 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

CAAM IKTIRAF PUSAT LATIHAN PENGENDALI DRON PERTAMA DI MALAYSIA

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah mengeluarkan Sijil Kelulusan (COA) yang pertama kepada dua *Approved Training Organisation for Remote Pilot Training Organisation (ATO-RPTO)*. Ini merupakan sebahagian daripada komitmen CAAM untuk memberi sokongan berterusan kepada industri dron atau Sistem Pesawat Tanpa Pemandu/*Unmanned Aircraft System (UAS)* dengan penyediaan asas yang kukuh bagi membolehkan pengendali-pengendali dron yang berpotensi untuk dilatih dengan kemahiran yang diperlukan melalui latihan pengendalian dron yang lebih menyeluruh.

ATO-RPTO merupakan sebuah pusat latihan pengendali dron yang diiktiraf oleh CAAM dan bertanggungjawab dalam menyediakan laporan mengenai pengetahuan teori serta arahan dan penilaian penerbangan berkaitan kompetensi pengendali dron. ATO-RPTO menilai tahap kecekapan pengendali dron berdasarkan keperluan tertentu dan mengeluarkan pensijilan yang sah.

UAV Academy of Asia Sdn Bhd dan Air Asia Group Berhad menerima COA RPTO di bawah Peraturan 64 Civil Aviation Regulations 2016 yang membolehkan mereka untuk mengendalikan peperiksaan atau ujian dan menyediakan kursus latihan atau arahan mengikut spesifikasi latihan yang diluluskan. UAV Academy of Asia Sdn Bhd telah bertapak dalam industri dron sejak tiga tahun lalu manakala syarikat penerbangan tambang rendah multinasional, Air Asia Group Berhad, masing-masing telah memenuhi piawaian, keperluan dan prosedur berkaitan peruntukan sebagai RPTO yang diiktiraf oleh CAAM.

UAV Academy of Asia Sdn Bhd mendapat kelulusan untuk melaksanakan latihan merangkumi RCoC-B (Basic) bagi membolehkan semua operasi *Visual Line of Sight* (VLOS) dikendalikan di bawah *Special UAS Project Approval* (SUP Approval) dan Module 2 (AGR) [Operasi UAS Pertanian] yang membenarkan pemegang sijil untuk mengendalikan operasi berkaitan kerja-kerja dron pertanian. Manakala, Air Asia Group Berhad mendapat kelulusan merangkumi kursus-kursus latihan termasuk RCoC-B (Basic), Module 1 EVLOS (*Extended Visual Line of Sight operations*), Sistem Pengurusan Keselamatan (SMS) dan Pengurusan Sumber Kru (CRM).

CAAM akan terus menyokong dan sedia untuk memberi bimbingan kepada organisasi-organisasi baharu akan datang bagi memastikan permohonan untuk menjadi ATO-RPTO memenuhi segala keperluan yang ditetapkan selain memastikan tahap kepatuhan berterusan. Pengoperasian dron di Malaysia buat masa ini harus mematuhi Peraturan Penerbangan Awam 2016 (MCAR 2016) Peraturan 140-144 serta tiga *Civil Aviation Directives* (CADs). Arahan-arahan baharu ini mampu memberi impak mendalam kepada perkembangan industri. Perbincangan bersama pihak industri mengenai peraturan-peraturan ini merupakan petanda baik bagi memacu perkembangan ekonomi dron yang berkembang pesat di negara ini seperti yang dilihat di negara-negara membangun yang lain.

Dengan penambahan bilangan ATO-RPTO dan lebih ramai pengendali dron yang diiktiraf di negara ini, rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh dan kurikulum seragam yang diluluskan oleh CAAM akan memberi lebih keyakinan kepada pihak syarikat tempatan dan industri untuk mengembangkan pelaburan dalam teknologi dron. Ini seterusnya dapat meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri yang memanfaatkan penggunaan dron seperti industri tenaga, pengawasan, pertanian dan banyak lagi. Selain itu, syarikat-syarikat akan lebih terbuka untuk melabur terhadap tenaga kerja manusia dan teknologi dengan adanya jaminan yang kuat serta pemahanan terhadap peraturan-peraturan berkaitan operasi dron. Dengan kewujudan industri yang boleh dianggap baharu ini, usaha untuk memanfaatkan kecekapan modal insan ke tahap yang lebih tinggi akan mampu dicapai. Pengaplikasian dron ini juga berupaya meningkatkan produktiviti, kecekapan, dan kompetensi yang lebih tinggi.

Dron merupakan sebahagian daripada sektor penerbangan dan pengoperasiannya di ruang udara awam boleh memberi risiko kepada orang awam. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan Malaysia dikenali sebagai pusat dron serantau, perkara utama yang perlu dilakukan adalah melindungi keselamatan orang awam daripada sebarang kejadian yang tidak diingini dengan pemantauan yang menyeluruh. Sebagaimana teknologi terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita, CAAM akan terus berusaha untuk memberi kemudahan dan menyokong perkembangan industri dron yang dinamik ini di samping memastikan keselamatan ruang udara Malaysia serta melindungi kepentingan orang awam dan pihak industri. CAAM mengalu-alukan lebih banyak operator dron tampil dan melibatkan diri dalam bidang teknologi yang sedang berkembang pesat ini.

KAPTEN CHESTER VOO
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan kenyataan media ini, sila hubungi Pegawai Perhubungan Awam, Anis Rahim di +6012-3364353